



Laporan Khas Persidangan

MMN 2012

Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara



HARI ISNIN 12 MAC 2012 / 1433 ربيع الأخير 19

PERCUMA

Akta Kebankrapan perlu dikemas kini

Laporan :
Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Mac. - Menteri Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menjelaskan Akta Kebankrapan ini adalah akta yang telah begitu lama iaitu semenjak tahun 1956 yang



YANG Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

mana kita menyedari bahawa memang perlu dikemaskinikan bagi mengambil kira keadaan dan isu-isu masa ini khususnya dengan adanya perkembangan ekonomi global.

Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua ketika menjawab persoalan Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin mengenai Ekonomi Foreign Investment ataupun Pelaburan Asing menambah satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Meneliti Frame Work Perundangan dan Rejim Pentadbiran dan Pengurusan Hal Ehwal Kebankrapan telah pun ditubuhkan pada tahun 2010 yang antara lainnya sedang membuat penelitian dan membuat cadangan yang berkaitan dengan beberapa perkara misalnya untuk mengubah kadar ataupun *threshold* bagi seseorang yang dikenakan oleh proses mufliis ini memandangkan *threshold* yang dipersyaratkan adalah terlalu rendah pada waktu ini iaitu BND500.

Yang Berhormat menambah dengan memberikan kuasa kepada mahkamah untuk menangkap dan merampas ke atas pihak-pihak yang melanggar perintah mahkamah untuk memberikan kuasa kepada mahkamah untuk menangkap dan merampas ke atas pihak-pihak yang melanggar perintah mahkamah untuk melindungi pihak-pihak yang berkepentingan dan memberikan kuasa untuk *discharge* pihak-pihak yang terlibat dalam kemufliisan bagi membolehkan ianya meneruskan kehidupan seperti biasa bukannya pada waktu ini apabila ia sudah dikira bankrap, maka ia akan bankrap sepanjang hayatnya.

"Pada masa kini pihak Pejabat Peguam Negara meneruskan penelitian ke atas undang-undang tersebut dengan meneliti undang-undang negara-negara jiran agar perundangan yang terkini dapat diguna pakai dengan lebih bersesuaian dengan keadaan Negara Brunei Darussalam. Sebagaimana yang



MENTERI Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim. - Foto : Zul-Izzi Haji Duraman.

dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi, di antara sebab permohonan kebangkrutan atau kemufliisan ini dihadapi oleh mahkamah disebabkan oleh hutang yang tidak dijelaskan. Ini termasuklah hutang-hutang peribadi dan sebagainya dan sebagaimana yang kaola terangkan tadi had minima jumlah hutang yang membolehkan seorang membuat tuntutan notis

kebankrapan ini adalah terlalu rendah iaitu BND500 sahaja," jelasnya.

Mengikut statistik, tambah Yang Berhormat, permohonan notis kebangkrutan telah meningkat daripada 300 permohonan pada tahun 2005 kepada 751 pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, pada tahun 2011 jumlah permohonan berkenaan telah menurun kepada 629 permohonan sahaja iaitu Alhamdulillah berkurangan sebanyak 122 permohonan berbanding pada tahun 2010. Begitu juga kedudukan *receiving order* yang sebelum ini sentiasa meningkat iaitu dari 220 permohonan pada tahun 2005 kepada 498 permohonan pada tahun 2010. Ianya telah menurun kepada 475 permohonan pada tahun 2011.

"Adalah disedari bahawa masalah kebangkrutan di negara ini banyak mendatangkan kebimbangan pada banyak pihak termasuk Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan dalam usaha mengurangkan masalah ini, kita perlulah melihat dari pelbagai aspek kerana ianya melibatkan beberapa pihak yang berkepentingan termasuk pihak bank, pemberi hutang, orang yang berhutang dan syarikat-syarikat yang terlibat," ujarnya.

Selain penelitian menurut Yang Berhormat, Akta Kebankrapan 1956 ini, pihak kerajaan termasuk Kementerian Kewangan telah dan sedang berusaha juga bagi mengurangkan masalah kemufliisan dengan mengambil langkah-langkah seperti mengehadkan penggunaan kad kredit dan pinjaman persendirian. Pihak kerajaan juga sering menekankan perlunya rakyat dan penduduk di negara ini mengamalkan sifat berijmat cermat tidak berbelanja di luar dari kemampuan dan menggalakkan budaya menabung serta mengelak daripada berhutang yang berlebihan.

Khidmat Guaman bagi kurang mampu diteliti

Laporan :
Rohani Haji Abdul Hamid



YANG Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. - Foto : Zul-Izzi Haji Duraman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis 8 Mac. - Menteri Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berkata pada ketika ini belum ada ditubuhkan apa yang dinamakan Biro Bantuan Guaman di negara ini. Secara amnya biro tersebut berfungsi untuk memberikan bantuan guaman kepada pihak yang tidak berkemampuan untuk mewakili dalam sebarang percakapan mahkamah.

Yang Berhormat menambah lagi, bagi kes-kes syariah, Mahkamah Syariah telah meneliti cadangan untuk menubuhkan Biro Bantuan

Guaman Syariah dan cadangan tersebut telah pun dibincangkan dengan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) yang mana secara dasarnya saja mungkin penubuhan Biro Bantuan Guaman ini akan dibincangkan secara mendalam lagi. Bagi kes-kes di Mahkamah Sivil terdapat peruntukan di bawah 'Legal Profession Contingency Fee Rules' yang merupakan peraturan bagi membolehkan seorang peguam akan dapat memberikan perkhidmatan guaman untuk kes-kes yang tertentu seperti tuntutan untuk kecederaan peribadi, tuntutan ganti rugi dan tuntutan komersial (*commercial action*) tanpa bayaran guaman kepada permulaan kes tersebut.

"Bayaran guaman seterusnya akan dibayar secara potongan yang dibuat dari jumlah yang dimenangi oleh peguam tersebut. Peraturan ini merupakan salah satu cara di mana seseorang boleh mendapatkan akses kepada proses kehakiman tertakluk kepada syarat bahawa tuntutan mereka termasuk di dalam kategori kes yang boleh diambil secara yuran 'Contingency' di bawah peraturan ini akan memberikan peluang untuk mendapatkan perkhidmatan guaman kepada mereka yang tidak berkemampuan untuk mendapatkan perkhidmatan guaman bagi masalah-masalah mereka yang perlu didengarkan di mahkamah," jelasnya ketika menjelaskan mengenai persoalan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai rakyat yang kurang mampu untuk mendapatkan khidmat guaman swasta mendapat khidmat nasihat daripada mana-

mana bahagian Jabatan Peguam Negara atau Jabatan Undang-Undang.

Di samping itu, jelas Yang Berhormat lagi bagi kes-kes jenayah yang membawa kepada hukuman mati, bantuan guaman akan diberikan oleh pihak kerajaan kepada pihak yang tidak berkemampuan. Bagi cadangan penubuhan Biro Bantuan Guaman bagi kes-kes Mahkamah Sivil JPM pada waktu ini sedang meneliti cadangan tersebut dengan lebih lanjut lagi dengan mengambil kira dan keperluan yang tertentu.

Menurut Yang Berhormat pada ketika ini belum adalah ditubuhkan apa yang dinamakan Biro Bantuan Guaman di negara ini. Secara amnya biro tersebut berfungsi untuk memberikan bantuan guaman kepada pihak yang tidak berkemampuan untuk mewakili dalam sebarang percakapan mahkamah.

Yang Berhormat lagi, bagi kes-kes syariah, Mahkamah Syariah telah meneliti cadangan untuk menubuhkan Biro Bantuan Guaman Syariah dan cadangan tersebut telah pun dibincangkan dengan MUIB di mana secara dasarnya saja mungkin penubuhan Biro Bantuan Guaman ini akan dibincangkan secara mendalam lagi. Bagi kes-kes di Mahkamah Sivil terdapat peruntukan di bawah 'Legal Profession Contingency Fee Rules' yang merupakan peraturan bagi membolehkan seorang peguam akan dapat memberikan perkhidmatan guaman untuk kes-kes yang tertentu seperti tuntutan untuk kecederaan peribadi, tuntutan ganti rugi

dan tuntutan komersial (*commercial action*) tanpa bayaran guaman kepada permulaan kes tersebut.

"Bayaran guaman seterusnya akan dibayar secara potongan yang dibuat dari jumlah yang dimenangi oleh peguam tersebut. Peraturan ini merupakan salah satu cara di mana seseorang boleh mendapatkan akses kepada proses kehakiman tertakluk kepada syarat bahawa tuntutan mereka termasuk di dalam kategori kes yang boleh diambil secara yuran 'Contingency' di bawah peraturan ini akan memberikan peluang untuk mendapatkan perkhidmatan guaman kepada mereka yang tidak berkemampuan untuk mendapatkan perkhidmatan guaman bagi masalah-masalah mereka yang perlu didengarkan di mahkamah," jelasnya.

Di samping itu, jelas Yang Berhormat bagi kes-kes jenayah yang membawa kepada hukuman mati bantuan guaman akan diberikan oleh pihak kerajaan kepada pihak yang tidak berkemampuan. Bagi cadangan penubuhan Biro Bantuan Guaman bagi kes-kes Mahkamah Sivil JPM pada waktu ini sedang meneliti cadangan tersebut dengan lebih lanjut lagi dengan mengambil kira dan keperluan yang tertentu.

Kaji penubuhan badan keselamatan 'Oil and Gas Exploration'

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Mac. - Kejadian tumpahan minyak mentah tahun 2010 di Teluk Mexcio telah banyak memberi peringatan dan pengajaran pada banyak pihak khasnya negara-negara pengeksport minyak termasuklah Negara Brunei Darussalam.

Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin

KEJADIAN tumpahan dan isu-isu lain yang berkaitan dengan minyak adalah menjadi perhatian yang amat serius oleh Jabatan Tenaga, malah kini sedang dan dalam proses mewujudkan sebuah badan, iaitu badan keselamatan dalam 'Oil and Gas Exploration' di perairan dalam yang mana sebahagian pakar-pakarnya adalah didatangkan terus dari luar negara. Ianya adalah bagi kepentingan Jabatan Tenaga iaitu sebagai satu 'regulatory body' yang memata-matai kejadian seperti 'Macondo' ini tidak akan terjadi di negara ini.

Haji Umar menjelaskan kejadian tumpahan minyak sebanyak tiga kali di Daerah Belait ianya telah pun ditangani dengan baik oleh Syarikat Brunei Shell Petroleum serta beberapa agensi kerajaan lain dan kini kawasan yang terlibat sudah selamat bagi orang ramai.

Menurut Yang Berhormat, kejadian tumpahan dan isu-isu lain yang berkaitan dengan minyak adalah menjadi perhatian yang amat serius oleh Jabatan Tenaga, malah kini sedang dan dalam proses mewujudkan sebuah badan, iaitu badan keselamatan dalam 'Oil and Gas Exploration' di perairan dalam yang mana sebahagian pakar-pakarnya adalah didatangkan terus dari luar negara.

Ianya, jelas Yang Berhormat adalah bagi kepentingan Jabatan Tenaga iaitu sebagai satu regulatory body yang memata-matai kejadian seperti 'Macondo' ini tidak akan terjadi di negara ini.

"Oleh itu, perkara ini sedang berjalan dan insya-Allah dalam sikit masa lagi perkara ini akan dilaksanakan. 'Emergency response team' yang dalaman juga di bawah bidang kuasa yang pada masa ini sedang ditubuhkan," ujar Yang Berhormat.

Demikian digariskan oleh Menteri Te-

naga di JPM pada menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Wakil Daerah-Daerah pada Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2012 di Dewan MMN, di sini.

Menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Jaafar mengenai Kertas Putih Tenaga (Energy White Paper), Yang Berhormat Pehin ianya memerlukan pekerja tempatan seramai 35,000 pekerja semi-scale dan 5,000 pekerja profesional dalam tahun 2035.

"Sebenarnya Kertas Putih Tenaga ini belum lagi dilaunch. Tetapi walau bagaimanapun, ianya sudah dibuat engagement bersama private sector universities dan bersama-sama stakeholder yang berkepentingan di dalam industri minyak dan gas. Sejurus dengan ini, pihak abis kaola juga telah pun membuat perbincangan dengan stakeholder yang berkenaan seperti Kementerian Pendidikan, vokasional, teknologi terutama sekolah-sekolah vokasional dan Institut Teknologi Brunei (ITB) yang mana abis kaola telah pun membawa konsultan yang mahir dalam bidang Pendidikan Industri Minyak dan Gas ke Brunei untuk melihat dan memastikan membuat import dalam reorganisasi ten-



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

tang pelajaran di vokasional mahupun di ITB, jadinya perkara ini sedang berjalan," jawab Menteri Tenaga.

Menjawab persoalan bekalan penyaluran gas domestik di Daerah Belait yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, Menteri Tenaga menjelaskan, sebenarnya saluran ini tidak akan lagi dibuat, ianya ditukarkan dengan pemakaian tong gas memandangkan harga kompetitivenya sama dengan saluran paip, jadinya tidak akan lagi dibuat saluran di Belait.

Perancangan bina tiga pos polis Kampung Ayer

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Mac. - Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar menjelaskan, pada masa ini terdapat dua pos polis bangunan tetap

ditempatkan di kawasan Kampung Ayer, iaitu Pos Polis Kampung Sungai Bunga, Pos Polis Bolkiah.

Yang Berhormat menjelaskan perkara tersebut ketika menjawab kepada soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor@Haji Md. Daud bin Karim.

Yang Berhormat juga menjelaskan, setakat ini terdapat perancangan menge-

nai pembinaan untuk menambah tiga buah pos polis di kawasan Kampung Ayer untuk meningkatkan lagi keberadaan polis atau polis *feasibility*.

Salah satu tapak yang dikenal pasti, tambah Yang Berhormat, ialah di kawasan Kampung Tamoi yang dipohonkan projek peruntukan khas bagi 2011/2012 dan perkara ini berdasarkan penilaian pihak Jabatan Kerja Raya dan pihak Lembaga



YANG Berhormat Awang Haji Gapor@Haji Md. Daud bin Karim. - Foto : Pg Amirulnizam Pg Hj Md Ali.

Tawaran Negara telah menasihatkan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) untuk memohon menggunakan bot yang disebutkan untuk membina pos polis di sana.

Menurut Yang Berhormat, pihak PDB telah pun memanjangkan permohonan tersebut ke Kementerian Kewangan dan mendapatkan kebenaran mengenainya, dan insya-Allah kebenaran setelah didapatkan dijangka pembinaan akan mengambil masa selama antara 12 bulan ke 18 bulan.

Bagi dua buah pos polis, tambahan yang disebutkan itu, jelas Yang Berhormat, akan menyusul dan bergantung kepada progres pembinaan Pos Polis Kampung Tamoi.



SEBAHAGIAN penuntut dari Universiti Brunei Darussalam yang hadir pada Majlis Permesyuaratan MMN. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

Kelayakan Imam dan Bilal meningkat



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Muhammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman. -Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Oleh : Wan Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Mac. - Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit membangkitkan persoalan mengenai isu kelayakan akademik jawatan sebagai Imam atau Bilal di hari keenam Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Majlis bangunan MMN di sini.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Muhammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman dalam menjawab pertanyaan itu berkata pada masa ini memang ada imam-imam yang berijazah dilantik.

"Jadi ini alhamdulillah menunjukkan satu peningkatan kitani. Kualiti Imam dan Bilal itu sudah berubah berbanding dengan zaman-zaman yang lalu yang tidak mem-

"JADI ini alhamdulillah menunjukkan satu peningkatan kitani. Kualiti imam dan bilal itu sudah berubah berbanding dengan zaman-zaman yang lalu yang tidak mempunyai apa-apa sijil tetapi sekarang sudah berubah tetapi walau macam manapun perubahan biarlah sesuai dengan kedudukan mereka sebagai Imam dan Bilal, jadi perkara ini dalam perhatian."

punyai apa-apa sijil tetapi sekarang sudah berubah tetapi walau macam manapun perubahan biarlah sesuai dengan kedudukan mereka sebagai Imam dan Bilal, jadi perkara ini dalam perhatian," katanya.

Yang Berhormat juga seterusnya me-

ragui akan jawatan Imam atau Bilal itu mesti mempunyai 4 'O' level, tetapi walau bagaimanapun, akan diberi perhatian kepada mereka yang mempunyai sijil agama, SPU, STPU atau IRK yang bercorak ke-agamaan.

Teliti tempat tinggal PDB, Temburong

Laporan: Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto: Mohd. Zul-Izzi Duraman



YANG Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. - Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Mac. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) di Daerah Temburong memerlukan kira-kira

60 ke 100 unit berek kelamin bagi menampung kekurangan berek ketika ini yang hanya sekitar 32 unit berek kelamin dan tiga buah rumah kelamin di Pekan Bangar.

Pertambahan kemudahan tempat tinggal bagi pasukan polis di Daerah Temburong itu disuarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad bagi mewakili daerah tersebut.

Bagi menjawab soalan berkenaan, Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar menjelaskan dalam memperingkatkan lagi kesejahteraan semua anggota PDB, beberapa perancangan telah dibuat bagi pembinaan perumahan-perumahan baru untuk para pegawai dan anggota pangkat rendah yang ditempatkan di Daerah Temburong.

Projek-projek ini tambah Yang Berhormat Menteri Tenaga, juga dilaratkan ke daerah-daerah lain mengikut keperluan-keperluan semasa yang mana pada masa ini terdapat beberapa projek menaik taraf sedang dijalankan termasuk membaik pulih dua blok berek yang menempatkan 22 unit tempat tinggal kelamin, sebuah pangsa pegawai polis yang menempatkan lapan unit tempat tinggal kelamin di kawasan Daerah Temburong.

Selain itu, bagi rancangan jangka masa sederhana dan panjang, PDB juga jelas Yang Berhormat telah merancang satu projek di kawasan Kampung Bokok, Daerah Temburong bagi membina dua buah pangsa SPO, pangsa baru yang akan menempatkan lebih kurang 60 unit tempat tinggal kelamin dan perkara ini telah dimasukkan ke dalam cadangan Rancangan Kemajuan Negara Ke-10.

PDB terang Yang Berhormat Menteri Tenaga juga akan sentiasa meneliti keperluan-keperluan sedemikian khususnya yang melibatkan pembinaan bangunan baru yang terkandung di dalam projek-projek di kawasan strategik.

SEBAHAGIAN daripada penuntut yang hadir dalam persidangan MMN.

Yakinkan masyarakat terhadap peranan Polis Diraja Brunei

Laporan : Ak Jefferi Pg Durahman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Mac. - Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yas-

min bin Haji Umar memberikan jaminan untuk memastikan Pihak Perhubungan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) akan memberikan keyakinan kepada rakyat di negara ini mengenai peranan polis untuk menjaga keamanan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat memberikan jaminan tersebut ketika menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai sejauh mana pihak keselamatan dapat memberi keyakinan dalam memberikan jaminan keselamatan kepada orang ramai dalam menangani situasi-situasi tertentu, di samping menyuarakan penglibatan Polis Rusuhan bersama pasukan polis yang sedia ada. Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia juga menyuarakan kepentingan penglibatan skuad-skuad polis yang terlatih ini kerana dengan penglibatan tersebut akan menambahkan keyakinan orang ramai terhadap kawalan keselamatan pihak-pihak keselamatan di negara ini.

Mengulas perkara berkenaan, Yang Berhormat menjelaskan Polis Rusuhan digunakan pada masa-masa yang tertentu kerana mereka mempunyai peraturan yang begitu spesifik.



Bergaji hari diwujudkan sebagai perkhidmatan dukungan

Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Mac. - Menteri Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menyatakan perkhidmatan bergaji hari diwujudkan sebagai perkhidmatan dukungan yang berbentuk sementara.

Pembayaran gaji bagi kakitangan gaji hari katanya, dibuat dengan menggunakan dua tajuk dalam bajet iaitu dari Peruntukan Berulang-Ulang atau daripada kekosongan jawatan mengikut peraturan pengambilan kakitangan bergaji hari bagi lepasan Ijazah dan Diploma Tertinggi Kebangsaan.

Menjawab persoalan Ahli Yang Dilantik,



YANG Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai penelitian semula peraturan cuti bagi kakitangan bergaji hari yang telah digunakan sejak tahun 1960 Yang Berhormat menjelaskan, kadar pembayaran gaji bagi pekerja bergaji hari yang dibayar gaji menggunakan peruntukan perbelanjaan berulang-ulang adalah berdasarkan kepada kadar yang telah dikemaskinikan mengikut Surat Keliling JPM bilangan 14/2006 mengikut tahap akademik dan kategori kemahiran.

Yang Berhormat juga menegaskan ketika sesi Perbincangan Umum hari keenam Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Majlis, Bangunan MMN di sini menyatakan di bawah surat keliling tersebut kadar gaji bagi pekerja-pekerja bergaji hari telah dinaikkan atau ditambah sebanyak BND4 bagi setiap peringkat (tidak mahir, separuh mahir dan mahir).

Sebagai contoh jelasnya, bagi pekerja bergaji hari yang pada asalnya menerima gaji pada kadar BND16.20 sehari telah pun dinaikkan kepada BND20.20 sehari atau bersamaan dengan BND96 sebulan berdasarkan purata bekerja 24 hari sebulan.

Di bawah surat keliling tersebut Yang Berhormat menggariskan, kadar kenaikan tahunan pekerja bergaji hari juga telah dikemaskinikan kepada BND0.30 sen bagi setiap genap satu tahun perkhidmatan. Secara purata dalam sebulan 24 hari bekerja ia akan menerima kenaikan sebanyak BND7.20. Berdasarkan contoh di atas, jumlah gaji yang diterima oleh pekerja bergaji hari pada peringkat minima ialah BND484 sebulan, ini peringkat minima sahaja berbanding pekerja bekerja bulan dalam tanggagaji terendah permulaan, kalau dikira gaji F1 hanya menerima

BND445 sebulan dan kenaikan tahunan bagi pekerja bulan itu hanyalah BND10 setahun. Ini menunjukkan bahawa gaji yang diterima oleh pekerja bergaji hari dalam sebulan adalah berbanding dengan mereka dalam perkhidmatan bergaji bulan.

Di samping itu tambahnya, sebagaimana jua kakitangan dalam jawatan bergaji bulan, pekerja-pekerja bergaji hari juga menerima Elaun Sara Hidup dan Elaun Kurnia Khas setiap bulan masing-masing pada kadar BND170 dan BND200 sebulan. Jadi berdasarkan perkiraan di atas, jumlah minima pendapatan bulanan yang diterima oleh pekerja-pekerja bergaji hari ini ialah melebihi BND800 sebulan.

Yang Berhormat menambah, beberapa faedah juga dihulurkan kepada mereka-mereka ini, misalnya pekerja-pekerja bergaji hari juga seperti pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang bergaji bulan dihulurkan bayaran bonus tahunan sebanyak kadar 1.5 bulan gaji. Di samping itu, mereka ini juga dihulurkan sebagaimana Surat Keliling SUK 58/1960 diberikan baksis persaraan mengikut tempoh perkhidmatan yang telah ditetapkan. Dan pekerja-pekerja bergaji hari juga boleh dilantik ke dalam perkhidmatan *open vote* setelah berkhidmat sekurang-kurangnya lima tahun dan memenuhi syarat-syarat tertentu. Dengan pelantikan tersebut mereka akan berpeluang menikmati beberapa kemudahan-kemudahan yang dihulurkan kepada pekerja-pekerja dalam perkhidmatan bergaji bulan.

Selain daripada permohonan untuk dilantik secara *open vote* ujarnya, pekerja-pekerja bergaji hari juga berpeluang untuk memohon kekosongan jawatan dalam perkhidmatan tetap tertakluk kepada inisiatif individu sendiri untuk meningkatkan kelulusan dan kemahiran.

Kelayakan hak cuti tambahnya lagi, adalah



MENTERI Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

mengikut surat keliling yang dinyatakan di mana perkhidmatan-perkhidmatan bagi tempoh-tempoh yang tertentu mendapat hak cuti yang tidak melebihi misalnya satu hingga tujuh tahun tujuh hari, lapan ke 14 tahun 10 hari dan perkhidmatan 15 tahun dan ke atas 14 hari setahun.

Walau bagaimanapun, tegas Yang Berhormat, pegawai perempuan dan perkhidmatan bergaji hari juga diberikan kemudahan untuk mendapat cuti beranak sebagaimana jua pegawai dan kakitangan perempuan di dalam perkhidmatan tetap mengikut syarat yang telah ditetapkan iaitu selama 15 minggu dan hendaklah diambil dua minggu sebelum tarikh dijangka beranak. Cuti beranak tidak akan ditolak dari sebarang baki cuti tahunan. Sebagai tambahan pekerja bergaji hari juga layak pada cuti selepas awam sebanyak sembilan hari setahun bergaji penuh.

Laporan : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Mac. - Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar menjelaskan tujuan memperkenalkan tarif baru penggunaan api elektrik di negara ini ialah supaya orang ramai menjimatkan penggunaan tenaga elektrik.

Katanya, kerajaan memastikan di dalam tarif baru tersebut yang ada buktinya, sudah 80 peratus daripada pengguna elektrik perumahan membayar sama atau kurang dari apa yang dibayar setakat ini. Ia hanyalah berbentuk menghukum orang-orang yang memakai tarif elektrik berlebihan.

Penjelasan ini antara lain diluahkan oleh Yang Berhormat ketika menjawab beberapa soalan yang diajukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik Wakil-wakil Daerah di Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2012 di Dewan Majlis Bangunan MMN, di sini.

"Saya ingin mengongsikan di sini kalau di Sabah dan Sarawak, misalan, Sabah dan Sarawak 80 peratus daripada rakyat mereka hanyalah memakai electricity 350 kwh *per month*. Kalau tariff itu di Brunei, BND3.50 gajinya. Bukannya beratus, seperti yang di Sabah, di Sarawak *but* 80 peratus dari penduduk Sabah dan Sarawak memakai *electricity* sebanyak dalam 350 kwh sahaja," kata Menteri Tenaga.

"Dan yang *terror* ini sampai 1,890 kwh yang kerajaan beri ini yang tidak ada membuat perbezaan apa-apa tentang kenaikan. Selepas itu ia akan membuat kenaikan secara progresif. Tetapi kaola akan *explain* lagi karang semasa DES dan kaola harapnya juga, kalau berucap *stakeholder* tidak faham atau apa, barang ini *di publish* di dalam media massa, diterangkan dibuat *roadshow* di mana-mana hampir setiap

Tarif baru jimatkan tenaga elektrik



YANG Berhormat Awang Haji Gapor@Haji Md.Daud bin Karim. - Foto : Pg Amirulnizam Pg Hj Md Ali.

hujung minggu," tambah Yang Berhormat.

"Setakat ini pun kaola masih mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) untuk membuat *roadshow* dan menerima *feedback* daripada orang ramai. Jadinya saya harap kalau boleh Yang Berhormat wakil yang dilantik supaya turun jua mendengarkan *roadshow* itu dan memberi *feedback* kepada saya sendiri kalau apa yang lagi tidak cukup but seperti mana yang saya nyatakan tadi, jawapan yang seterusnya akan saya buat kalau masa perbincangan ditangani di JPE nanti. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi."

Sementara itu, menjawab soalan bahan-bahan cetak kerajaan dicetak ke syarikat swasta yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor@Haji Md.Daud bin Karim, Menteri Tenaga berkata dasar berhubung dengan penubuhan Jabatan Percetakan Kerajaan (JPK) ada terkandung dalam Surat Keliling, SUK bilangan 18/1976 bertarikh pada 1976 masih lagi berkuat kuasa hingga sekarang. Ia mengandungi dasar berhubung dengan tatacara memohon perkhidmatan pencetakan dan senarai bahan-bahan lain yang boleh diperolehi dari JPK.

"Usaha-usaha sedang dibuat untuk mereview surat keliling berkenaan agar ianya lebih jelas mengenai dengan arahan dan tatacara untuk mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh diperolehi dan sentiasa *relevan* bagi keperluan semasa dan diseleraskan dengan perkembangan teknologi percetakan masa kini," jelas Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat, "sememangnya ada sesetengah dari kementerian yang mencetak terus ke percetakan swasta. Alhamdulillah, seperti yang dinyatakan tadi dengan adanya alat-alat canggih di Jabatan Percetakan, insya-Allah tahun depan Jabatan Percetakan akan dilaksanakan pada tahun ini dan tahun depan dilaksanakan sendiri oleh JPK. Dan dasar-dasar akan diselaraskan dan dikuatkan bagi memastikan ianya dapat dijalankan."

Manakala itu, menjawab soalan mengenai perjalanan e-Kerajaan yang diluahkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, Menteri Tenaga menjelaskan, sistem-sistem yang telah dilaksanakan tidak memenuhi

keperluan kerana buat masa ini mindset pengguna yang masih tidak mahu menerima sebarang pembaharuan dan pembaikan, kurang pengetahuan mengenai proses bisnes, proses *engineering* DPR, proses-proses kerja masih belum lagi dihalusi.

Kata Yang Berhormat, kekurangan *project manager* yang berkemahiran untuk melaksanakan projek-projek dengan jayanya. Penggunaan sistem-sistem masih di tahap yang rendah dan kekurangan perkongsian maklumat.

Langkah bagi menangani masalah-masalah ini, tambah Yang Berhormat, EGLF e-Government telah mengarahkan semua projek-projek e-Kerajaan hendaklah terlebih dahulu menjalankan BPR bagi memperbaiki proses-proses kerja dalaman sebelum pelaksanaan sistem ICT dimulakan dan perlunya change management penting bagi memastikan bahawa pengguna-pengguna tersebut boleh melalui perubahan berkenaan dengan lancar dan agar mereka boleh menggunakan proses baru tersebut.

Ujar Yang Berhormat, sehingga Februari 2012 jumlah keseluruhannya sektor Teknologi Info-Komunikasi ialah perbelanjaan BND436 juta iaitu BND356 juta bagi E-GS dan dan bagi Pusat E-G BND84 juta dan bagi Pusat EG-Bandwidth ialah BND32 juta dan sebanyak 126 projek telah dibuat. Dan penubuhan oleh agensi menubuhkan satu seksyen untuk memberikan khidmat nasihat bagi membantu agensi kerajaan menjalani BPR dan *change management*. Banyak usaha dalam perlu dibuat untuk menyelaraskan penggunaan teknologi Maklumat (IT) pada peringkat kerajaan.

24 jabatan berurus dengan orang ramai telah diaudit

Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Mac. - Menteri Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menyatakan pengauditan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) mula diperkenalkan pada tahun 2003 dan sehingga kini sebanyak 24 buah jabatan berurusan dengan orang ramai telah

diaudit.

Menurut Yang Berhormat, pengauditan susulan telah dilaksanakan sejak tahun 2007 sehingga kini dan 16 jabatan telah diaudit bagi melihat sejauh mana keberkesanan pengauditan pertama itu bagi melaksanakan cadangan-cadangan dan pembaikan-pembaikan yang telah dikemukakan. Manakala, penemuan pengauditan

susulan TPOR terhadap 20 buah jabatan mendapati bahawa proses pelaksanaannya belum lagi teratur dan masih mengamalkan proses yang lama.

Yang Berhormat menjelaskan perkara tersebut ketika menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid mengenai keberkesanan dan perancangan dalam menyeleraskan TPOR sektor dan warga Perkhidmatan Awam kepada para pelanggannya di hari keenam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Beberapa pembaikan, kata Yang Berhormat, telah dilaksanakan disebabkan terdapat agensi kerajaan mahupun warga Perkhidmatan Awam masih kurang mengetahui konsep pelaksanaan TPOR termasuk memberikan taklimat dan bengkel TPOR dan manual prosedur kerja kepada para pegawai dan kakitangan kerajaan secara berterusan.

Di samping itu, Yang Berhormat dalam hujahnya pembaikan lain juga dilaksanakan termasuk membarigakan TPOR agensi kerajaan di Media Massa, memberikan khidmat nasihat, mengemaskinikan buku-buku, mendapatkan kerjasama Jabatan Penerangan dalam menyediakan etika orang ramai dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri untuk menerbitkan etika dan tugas serta peranan pegawai dan kakitangan kerajaan.

Semasa pengauditan susulan, tambahnya, terdapat 16 jabatan yang diperiksa semula dan mendapati ada jabatan menunjukkan penambahbaikan dan telah melalui *transition* apabila memperkenalkan perkhidmatan baru.

Dalam hujahnya, Yang Berhormat juga berkata, kerajaan akan sentiasa memperbaiki usaha-usaha dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggannya. Jabatan Perkhidmatan Pengurusan sejak dari tahun 1998 hingga 2011 telah menangani sebanyak 787 aduan dari 902 aduan yang diterima dan selebihnya kini masih dalam proses peng-



MENTERI Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

gendaliannya.

Sementara itu ujarnya, berdasarkan kajian yang dibuat tahun 2002 dan 2006 telah mendapati tahap kepuasan hati para pelanggan telah meningkat daripada 49 ke 65 peratus dan ia semakin meningkat kepada 68 peratus dalam kaji selidik pelanggan pada tahun 2011.

Dalam menjawab soalan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman berhubung cara mengetahui cita rasa kehendak pelanggan terhadap perkhidmatan kerajaan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua menjawab, selain dari aduan yang dibuat secara bertulis, MSD juga mengadakan perundingan dan menempatkan pegawai-pegawainya di beberapa pejabat daerah setiap tiga bulan sebagai inisiatif dan usaha jabatan bagi memudahkan orang ramai untuk membuat aduan.

Inisiatif lain Yang Berhormat, seterusnya menyatakan, MSD mewujudkan dan mengaktifkan penggunaan sistem pengendalian secara berkomputer atau *online* iaitu melalui Sistem Customer Relationship Management di samping mengendalikan program mesra pelanggan sebagai salah satu 'avenue' bagi orang ramai untuk menyuarakan aduan.

Dalam membalas cadangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morsidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman berkaitan dengan penyediaan satu nombor sahaja bagi panggilan-panggilan kecemasan termasuk Polis, Bomba dan Penyelamat, Paramedik dan sebagainya seperti negara lain yang menggunakan nombor universal di seluruh dunia iaitu 911.

Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua akan memanjangkan cadangan tersebut kepada pihak-pihak yang tertentu.

Yang Berhormat Menteri Tenaga di JPM juga menambah dalam maklum balas perkara tersebut sedang dilaksanakan dan kini sedang mengkaji sistem panggilan nombor 311 bagi kemudahan pelanggan termasuk apa jua jenis pertanyaan dan sebagainya dan sistem berkenaan sedang dijalankan di New York, United States.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Kewangan juga berterima kasih atas saranan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim atas pandangannya mengenai TPOR yang merupakan alat bagi pihak agensi berkenaan untuk melihat keberkesanan pemeduliannya kepada orang ramai dan jika TPOR dijalankan ke semua agensi dan memberikan kepuasan kepada para pelanggannya.

Kecemerlangan PDB diiktiraf

Laporan : Ak. Jefferi Pg. Durahman



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Mac. - Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar menjelaskan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam sememangnya mengiktiraf dan mengakui tentang kecemerlangan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) yang mana Hari Polis telah diisytiharkan dan kebetulan pada 1 Januari yang juga merupakan cuti awam bagi kita di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin menyatakan perkara itu semasa menjawab cadangan yang diajukan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal pada hari ketujuh Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Kelapan 2012.

Yang Berhormat Pehin juga menjelaskan berhubung dengan peralihan yang belum dijalankan untuk anggota-anggota polis dan turut memahami perkara ini, kerana peralihan ini adalah dibuat kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Yang Berhormat juga nanti akan menyampaikan kepada pihak-pihak tertentu (Jawatankuasa Polis) dan menjelaskan bahawa ia juga bersangkut-paut dengan Akta Polis.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



YANG Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

“BERHUBUNG dengan peralihan yang belum dijalankan untuk anggota-anggota polis dan turut memahami perkara ini, kerana peralihan ini adalah di buat kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).”

Pegawai kerajaan perlu ketahui GO dan FR

Laporan : Hajah Rosidah Haji Ismail

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Mac. - Menteri Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, menjelaskan, pegawai-pegawai Divisyen II ke atas perlu menjalani peperiksaan General Order dan FR kerana sebagai pegawai kerajaan, mereka perlu mengetahui General Order yang kebanyakannya mengenai tata tertib dan sebagainya.

FR pula ialah bagaimana melaksanakan pembelian dan juga *procurement* dan sebagainya, kata Yang Berhormat ketika menjawab persoalan dan saranan yang diajukan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

"Sebabnya, selalunya pegawai-pegawai

Divisyen II ini, ialah pegawai-pegawai di mana satu waktu yang akan datang, pegawai-pegawai ini kebanyakannya akan menjadi ketua-ketua bahagian, ketua-ketua jabatan yang kadang-kadang macam di Kementerian Pendidikan. Pegawai-pegawai ini juga dijadikan pengetua dan sebagainya," ujar Yang Berhormat.

Menurutnya, perkara ini adalah penting untuk pegawai-pegawai ini mengetahui kerana jika mereka tidak mengetahui dengan sendirinya adalah sukar bagi mereka untuk mentadbir ataupun mengurus pegawai-pegawai mereka yang berada di bawah jagaan masing-masing.

"Itulah sebabnya kenapa kompetensi ini perlu ada. Skim-skim kerajaan telah pun memuatkan perkara ini dan ianya tidak terkecuali kepada mana-mana pegawai-peg-

PERKARA ini adalah penting untuk pegawai-pegawai ini mengetahui kerana jika mereka tidak mengetahui dengan sendirinya adalah sukar bagi mereka untuk mentadbir ataupun mengurus pegawai-pegawai mereka yang berada di bawah jagaan masing-masing. Itulah sebabnya kenapa kompetensi ini perlu ada. Skim-skim kerajaan telah pun memuatkan perkara ini dan ianya tidak terkecuali kepada mana-mana pegawai-pegawai dalam kerajaan.

- Menteri Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim



MENTERI Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Duraman.

gawai dalam kerajaan," jelasnya.

Skim-skim perkhidmatan pula katanya, adalah tergantung kepada penelitian-penelitian dari kementerian-kementerian berkenaan, Skim Perkhidmatan Doktor, Skim Perkhidmatan Guru dan Skim Teknikal dan sebagainya memang telah ada dihadapkan kepada JPA untuk diteliti.

Yang Berhormat menambah, perlu dinyatakan dalam membuat skim itu objektif yang penting supaya mana-mana jawatan untuk membuat skim itu hendaklah berobjektifkan untuk membantu pegawai-pegawai tersebut mendapatkan ke-

mahiran-kemahiran dan kelayakan-kelayakan tertentu dan bukannya semata-mata untuk meningkatkan gaji-gaji mereka.

Jelasnya, ini kerana setiap *level* ataupun bahagian-bahagian, tingkat-tingkat yang tertentu memerlukan kepakaran dan kelulusan-kelulusan tertentu untuk meningkatkan gaji masing-masing.

Jadi, jelasnya, itulah sebagai sukat-sukat untuk pengetahuan pihak-pihak yang tertentu dalam membuat skim-skim yang akan dihadapkan kepada JPA untuk diteliti dan ia perlulah lengkap.

Mengenai dengan kemudahan-kemudahan sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Datin, Yang Berhormat menyatakan, walaupun kerajaan merevisi tetapi dalam *revision* itu ada juga kebanyakannya yang mana wanita-wanita sekarang boleh membawa suami dan empat orang anak sedangkan dahulu memang tidak ada.

Jadi sebab itulah ujarnya, dalam menyeimbangkan pemberian kemudahan-kemudahan tersebut, kerajaan juga memikirkan keseimbangan tersebut dan dalam pada itu juga kos untuk membiayai keseimbangan tersebut.

Walaupun ia dikurangkan daripada tiga tahun ke empat tahun katanya, tetapi orang-orang yang akan terlibat atau mendapat manfaat daripada skim itu adalah lebih banyak daripada yang ada pada waktu ini.

"Jadi untuk itu, kerajaan perlu menanggung kosnya dan itulah sebagai keseimbangan banyak yang amplit tetapi dikurangkan sedikit, tapi tidak juga berapa banyak kurangnya iaitu hanya setahun," terangnya.

Peranan penghulu, ketua kampung dikemas kini

Laporan : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Mac. - Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar menjelaskan, mengenai dengan isu peruntukan tertinggi Polis Diraja Brunei (PDB) dalam sebuah pasukan yang mempunyai peruntukan memerlukan khusus bagi melaksanakan pencegahan dan pembanterasannya jenayah di seluruh negara bila dilihat dengan mengambil kira anggotanya yang sekarang ini mencapai lima ribu anggota.

Yang Berhormat Menteri Tenaga menjawab soalan yang diajukan oleh Yang

Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, wakil Ahli Dilantik bagi Daerah Tutong Zon II berhubung dengan peruntukan tertinggi sekali dalam JPM pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Majlis, Bangunan Majlis, di sini.

Menyentuh mengenai dengan masalah di Pos Polis di Mukim Telisai pula, Yang Berhormat Pehin berkata, isu-isu Telisai memang ada cadangan bagi penambahan pos polis di Kampung Bukit Beruang dan juga kalau dilihat statistik jenayah pada kawasan tersebut masih lagi dalam peringkat yang *acceptable*.

Yang Berhormat menjelaskan, mengenai isu kejiiran kampung memang terdapat beberapa aktiviti tersebut yang semakin berkurang, sebenarnya kalau dilihat daripada statistik tentang pengawasan kejiiran kampung ini yang wujud sejak tahun 1989 ini ialah seramai 132 kampung yang terlibat dengan keramaian ahli sebanyak 9,883 di seluruh negara, jika dipecahkan lagi bagi Daerah Brunei dan Muara 76 buah kampung enam ribu ahli, 27 kampung bagi Daerah Tutong, 1,800 ahli, Daerah Belait, 16 kampung, 1,163 ahli dan Daerah Temburong 13 kampung dengan 843 ahli.

Pada meneruskan dan mempertingkatkan kerjasama antara pihak PDB dan pihak Pengawasan Kejiiran Kampung (PKK) tambah Yang Berhormat Pehin Menteri lagi, permuazakarahannya terus diadakan misalnya antara pegawai pemerintah daerah, OCPD dan Pegawai Penjaga Balai dengan para penghulu dan ketua kampung dan juga melibatkan penyertaan ahli-ahli PKK



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar.

bagi mukim dan kampung mereka masing-masing.

Yang Berhormat menjelaskan, sesi permuazakarahannya tersebut membolehkan isu-isu keselamatan kesejahteraan di dalam mukim dan kampung tersebut dibincangkan, di samping mengeratkan lagi silaturahim antara semua yang terlibat.

"Adalah diakui pada masa ini terdapat kawasan kejiiran kampung yang boleh dikategorikan sebagai kurang aktif atau tidak berfungsi lagi disebabkan perkara-perkara tertentu bagi menangani keadaan ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan PDB sedang mengadakan perbincangan berterusan ke arah penyelarasan untuk mengemas kini dan memanfaatkan lagi peranan para penghulu dan

ketua kampung," jelas Yang Berhormat.

Mengenai dengan pos-pos polis, Yang Berhormat menjelaskan kebanyakan pos-pos polis ini akan menjalani pembaikan dan pengubahsuaian semula dan ada dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara Yang Ke-10 bagi *budgetnya*.

MENGENAI isu kejiiran kampung memang terdapat beberapa aktiviti tersebut yang semakin berkurang, sebenarnya kalau dilihat daripada statistik tentang pengawasan kejiiran kampung ini yang wujud sejak tahun 1989 ini ialah seramai 132 kampung yang terlibat dengan keramaian ahli sebanyak 9,883 di seluruh negara, jika dipecahkan lagi bagi Daerah Brunei dan Muara 76 buah kampung enam ribu ahli, 27 kampung bagi Daerah Tutong, 1,800 ahli, Daerah Belait, 16 kampung, 1,163 ahli dan Daerah Temburong 13 kampung dengan 843 ahli. Pada meneruskan dan mempertingkatkan kerjasama antara pihak PDB dan pihak Pengawasan Kejiiran Kampung (PKK) tambah Yang Berhormat Pehin Menteri lagi, permuazakarahannya terus diadakan misalnya antara pegawai pemerintah daerah, OCPD dan Pegawai Penjaga Balai dengan para penghulu dan ketua kampung dan juga melibatkan penyertaan ahli-ahli PKK bagi mukim dan kampung mereka masing-masing.



YANG Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Pengisian jawatan mengikut kriteria tertentu

Laporan : Hajah Rosidah Haji Ismail

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Mac. - Pengisian jawatan-jawatan adalah mengikut kriteria-kriteria yang tertentu, penilaian-penilaian dan beberapa langkah misalnya tergantung kepada iklan-iklan dan ada iklan dalam jabatan sendiri.

Menteri Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menyatakan demikian ketika menjelaskan persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking mengenai tawaran jawatan kerani di jabatan-jabatan kerajaan dengan kepujian empat kredit ataupun pelayan-pelayan pejabat yang merayu diberi peluang untuk kenaikan pangkat.

Menurut Yang Berhormat Pehin apa

yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah *common user*.

Jelas Yang Berhormat Pehin, *common user* ini terpaksa diiklankan secara meluas dan ia memang tergantung kepada penilaian-penilaian dan kelayakan-kelayakan tersebut dan menasihatkan orang-orang yang memohon tersebut supaya meningkatkan akademik (*qualification*) dan juga kemahiran-kemahiran mereka secara tertentu supaya dapat bersaing dengan orang lain.

"Jika dihadkan sahaja kepada orang-orang di dalam jabatan itu sedangkan perkara ini adalah *common user*, mungkin akan disoal dari segi keadilan. Jadi ini adalah mengikut peraturan-peraturan, *guideline* yang tertentu," jelas Yang Berhormat Pehin.

Sementara itu ketika menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin

Haji Mohd. Jaafar mengenai Skim Latihan Dalam Perkhidmatan, Menteri Kewangan Kedua di JPM menjelaskan bahawa Latihan Dalam Perkhidmatan adalah berasaskan kepada pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bilangan 1/2010 yang mana perenggan 7.4 Jawatankuasa Perkembangan Sumber Tenaga Manusia di Kementerian-kementerian hendaklah memastikan sepenuhnya supaya semua permohonan yang dihadapkan ke JPA memenuhi semua syarat Dasar dan Peraturan yang berjalan pada masa ini termasuk perancangan Kementerian dan jabatan masing-masing.

Apa yang sering dihadapi kata Yang Berhormat Pehin ialah sokongan yang dihadapkan tidak disertakan dengan sokongan maklumat dokumen yang lengkap, jelas dan teratur.

"Sebab itulah ianya memakan masa kerana permohonan-permohonan tersebut tidak lengkap. Kadang-kadang sokongan dari jabatan-jabatan adalah terlalu ringkas, nama kursus dan tempat yang dipohonkan juga tidak dinyatakan," ujar Yang Berhormat Pehin.

Selain itu kata Yang Berhormat Pehin, nama institusi pengajian tempat kursus juga tidak dinyatakan, dan juga ada kertas cadangan kajian yang tidak disertakan, perkara-perkara seperti inilah yang menyebabkan permohonan tidak dapat diproses dengan cepat kerana kerajaan mahu supaya apa-apa jua sokongan tersebut adalah berpandukan keperluan dari jabatan-jabatan, bukannya keperluan individu itu sendiri.

Mengenai dengan sokongan itu jelasnya, kadang-kadang ada yang memohon di luar negeri tetapi jawapannya ianya dipertimbangkan di dalam negeri.

Kata Yang Berhormat Pehin, ini adalah sebagai langkah kerajaan kerana Kebawah



MENTERI Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim. - Foto: Dk. Nurhafilah Pg. Osman.

Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah supaya sebagai langkah untuk meningkatkan lagi apa yang dinamakan sebagai kewibawaan universiti di Negara Brunei Darussalam, supaya ia akan meningkat dengan adanya pegawai-pegawai yang berkaliber untuk ikut serta dalam pengajian-pengajian di dalam negara.

Sebab itulah tambahnya, ia perlu juga menimbangkan supaya latihan-latihan itu bukan saja di luar negeri sahaja tetapi juga dalam negeri.

Walau bagaimanapun katanya, mana-mana kursus yang menghendaki misalnya ia perlu dihantar ke luar negeri seperti PH.D dan sebagainya, kerajaan memang akan menghantar dan tertakluk kepada keperluan-keperluan yang akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Latihan Dalam Perkhidmatan.



YANG Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.



YANG Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar. - Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman.

Ketua jabatan punya autoriti tukar, tempatkan pegawai kerajaan

Laporan : Hajah Rosidah Haji Ismail



YANG Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad. - Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Mac. - Menteri Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menjelaskan bahawa lantikan untuk mengisi kekosongan jawatan dalam Perkhidmatan Awam adalah berasaskan kepada kelayakan sebagaimana yang telah dinyatakan

iaitu kemahiran dan pengalaman calon-calon dan ianya tidak terikat kepada di mana pegawai itu menetap.

Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua di JPM menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad mengenai jawatan kosong di Daerah Temburong yang diisi oleh calon dari bandar atau dari daerah lain yang kemudiannya memohon berpindah ke bandar dengan memberikan bermacam-macam alasan sehingga ditakuti sikap ini akan menjejaskan pentadbiran jabatan tersebut dan menambah beban dan tanggungjawab kepada kakitangan lain di jabatan berkenaan apabila ia ditukarkan.

Yang Berhormat Pehin menjelaskan bahawa lantikan untuk mengisi kekosongan jawatan dalam Perkhidmatan Awam adalah berasaskan kepada kelayakan sebagaimana yang telah dinyatakan iaitu kemahiran dan pengalaman calon-calon dan ianya tidak terikat kepada di mana pegawai itu menetap.

Yang Berhormat Pehin menambah bahawa memang terjadi keadaan di mana pegawai dilantik

untuk mengisi jawatan di luar daripada daerah di mana pegawai ini menetap sebagaimana yang disuarakan oleh Yang Berhormat.

"Sebelum Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengeluarkan kebenaran permohonan untuk bertukar pejabat bagi jawatan-jawatan guna sama atau sebelum menghadapi sokongan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi jawatan-jawatan bukan guna sama, jabatan berkenaan akan terlebih dahulu meneliti faktor-faktor seperti sokongan ketua jabatan bagi pertukaran tersebut dan juga terdapat kekosongan jawatan yang sama di pejabat yang ia akan memohon untuk berpindah," jelas Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin menambah, pastikan yang kekosongan jawatan di jabatan yang ditinggalkan itu ada penggantinya atau ketua jabatan berkenaan tidak memerlukan pengganti.

Jadi dalam keadaan sedemikian kata Yang Berhormat, adalah menjadi tanggungjawab ketua jabatan berkenaan untuk memastikan pengurusan dan pentadbiran jabatannya itu tidak akan terjejas berikutan sokongan yang diberikan bagi pertukaran ini.

"SEBELUM Jabatan Perkhidmatan Awam mengeluarkan kebenaran permohonan untuk bertukar pejabat bagi jawatan-jawatan guna sama atau sebelum menghadapi sokongan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi jawatan-jawatan bukan guna sama, jabatan berkenaan akan terlebih dahulu meneliti faktor-faktor seperti sokongan ketua jabatan bagi pertukaran tersebut dan juga terdapat kekosongan jawatan yang sama di pejabat yang ia akan memohon untuk berpindah. "

- Menteri Kewangan Kedua Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Selain daripada perkara di atas tadi tambah Yang Berhormat Pehin, seperti yang dinyatakan ketua-ketua jabatan juga mempunyai autoriti untuk menukar dan menempatkan pegawai-pegawai dan kakitangan yang dalam lingkungan pentadbiran jabatan masing-masing.

Yang Berhormat Pehin menjelaskan, Jabatan Perkhidmatan Awam yakin bahawa ketua-ketua jabatan juga menimbangkan dengan sehalus-halusnya sebarang pertukaran yang di buat iaitu dengan mengutamakan efisiensi jentera pentadbiran jabatan masing-masing berbanding dengan

kehendak individu.

Jabatan Perkhidmatan Awam tambah Yang Berhormat Pehin, berpendapat bahawa garispandu-garispandu pertukaran dan penempatan yang digunakan pada masa ini adalah bersesuaian dan terkawal.

Walau bagaimanapun kata Yang Berhormat Pehin, JPA akan meneliti dan mengkaji lebih lanjut perkara ini bagi memastikan kecekapan dan kelancaran satu-satu jabatan itu tidak dikompromi oleh tindakan-tindakan atau kehendak-kehendak yang lebih memberatkan keinginan-keinginan individu semata-mata.

Pengauditan Tenaga Manusia dilaksanakan secara berperingkat

Laporan :
Hajah Rosidah Haji Ismail



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Mac. - Pengauditan tenaga manusia dengan perkhidmatan awam sebenarnya memang ada dijalankan secara berperingkat-peringkat di beberapa buah agensi kerajaan.

Menteri Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menyatakan perkara itu ketika menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang

Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman pada sebelah petang hari keenam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Majlis, Bangunan MMN.

"Misalnya enam buah agensi kerajaan telah dilaksanakan seperti Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Bandaran, Bahagian Anggota dan Pentadbiran Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan Jabatan Buruh," jelasnya.

Yang Berhormat menambah, secara amnya beberapa penemuan pengauditan tenaga manusia telah diidentifikasi ataupun dikenal pasti iaitu keramaian pegawai dan kakitangan yang mengendalikannya perkhidmatan-perkhidmatan mencukupi.

Bahkan katanya, ada yang melebihi daripada yang diperlukan akan tetapi jawatan dan tangga gaji penjawat-penjawat jawatan yang menjalankan tugas dan tanggungjawab berkenaan adalah tidak selaras yang mana ada di antara peranan dan tugas yang dikendalikan bertindih-tindih dan ada juga melaksanakan tugas-tugas sampingan.

Tambah Yang Berhormat, struktur organisasi yang tidak jelas kerana tidak menunjukkan *level of management* dan banyak lagi dapatan-dapatan yang telah diterima daripada pengkajian-pengkajian ini.

Jadi daripada penemuan-penemuan tersebut, ujar Yang Berhormat, memang jelas terdapat keperluan bagi menyemak dan menilai semula beberapa aspek seperti

penempatan semula jawatan-jawatan yang tidak bersesuaian, menyatukan bahagian-bahagian, penstrukturan semula organisasi, menyesuaikan jawatan-jawatan pangkat, menentukan keperluan tugas dan sebagainya dan perkara ini memang sedang diteliti oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk memperbaiki lagi perkara-perkara seperti ini.

Berhubung dengan *spotting* pegawai-pegawai yang berkaliber dan sebagainya, Yang Berhormat menjelaskan, memang perkara ini juga ada dilaksanakan oleh JPA yang mana pada waktu ini JPA ada mengadakan beberapa usaha untuk mengenal pasti pegawai-pegawai yang difikirkan berpotensi untuk menjawat jawatan-jawatan yang tertentu.

Di samping itu, jelasnya, SPA juga ada mengadakan jawatankuasa mempertimbangkan jawatan kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai Divisyen II dan ke atas bagi meningkatkan lagi pencapaian dan produktiviti Perkhidmatan Awam.

Menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid mengenai pengisian jawatan yang dipangku Yang Berhormat menjelaskan, memangku itu ada dua, pertama memangku secara sementara apabila pemegang jawatan yang asal berkursus dan sebagainya yang mana jawatan tersebut dipangku secara sementara, yang kedua ialah memangku secara substantif iaitu pegawai yang akan diatur untuk memangku ke jawatan tersebut ialah pegawai yang difikirkan akan mengisi jawatan yang dipangkunya itu, selalunya ini adalah tertakluk kepada *time frame*, ada yang enam bulan.



MENTERI Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Tetapi kadang-kadang, jelas Yang Berhormat, ada keadaan yang mana apabila pegawai yang memangku itu belum menepati *time frame* yang tertentu sehingga pemangkuan tersebut akan berpanjangan daripada yang selalunya enam bulan tapi disebabkan oleh perkara-perkara sedemikian, maka ia akan berpanjangan lebih daripada enam bulan kerana *time frame* belum dapat dipenuhi oleh pegawai yang memangku tersebut.

Mengenai dengan saranan *subsections plan*, Yang Berhormat menyatakan perkara itu memang telah difikirkan oleh JPA dan insya-Allah, cadangan tersebut akan diambil maklum dan sebagai nilai tambah kepada apa yang sedang difikirkan oleh JPA.

RTB akan punyai stesen Transposer Daerah Temburong

Laporan : Bolhassan Haji Abu Bakar
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



YANG Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 Mac. - Radio Televisyen Brunei (RTB) akan mempunyai sebuah stesen Transposer yang baru terletak di Kampung Serukup, Mukim Batu Apoi yang telah pun diluluskan pada 11 Oktober 2011 bagi meningkatkan Transmission Coverage bagi Daerah Temburong secara keseluruhannya.

Demikian dimaklumkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar ketika menjawab soalan dan cadangan yang dikemukakan

oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, wakil dari Daerah Temburong bagi pembinaan sebuah bangunan yang kekal bagi RTB di daerah berkenaan dalam membincangkan Anggaran Perbelanjaan di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hari ini.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohd. Yasmin berkata, bangunan cawangan RTB di Daerah Temburong yang digunakan sekarang, sememangnya dihasratkan untuk digunakan secara sementara saja.

Bangunan itu, jelas Yang Berhormat adalah asalnya dua buah rumah milik kerajaan yang bersebelahan dan disambung dijadikan satu bagi menempatkan ruangan-ruangan pejabat, studio radio dan studio televisyen bagi memenuhi keperluan teknikal untuk siaran-siaran yang disediakan atau disiarkan melalui cawangan ini, bangunan ini juga telah dihubungi melalui sistem Fibre Optic dan dengan stesen TelBru Bangar dan seterusnya dengan sistem gelombang mikro ke Bandar Seri Begawan.

Sememangnya memang dari dulu terdapat keperluan bagi RTB mempunyai satu bangunan yang bersifat kekal bersesuaian pelbagai aspek termasuk keselesaan pekerja, keselamatan dan penempatan alat-alat baru dan lain-lain lagi.

Bagi tujuan ini, pihak RTB telah pun memohonkan sebuah tapak seluas empat ekar kepada Jabatan Perancang Bandar dan Desa pada 16 Februari 2011 bagi

menempatkan bangunan baru RTB bagi Cawangan Temburong yang mana tapak ini adalah berdekatan dengan stesen TelBru Bangar, walau bagaimanapun pihak RTB telah dimaklumkan bahawa tapak yang dipohonkan itu adalah terkandung dalam zon perumahan.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) seterusnya telah mencadangkan sebuah tapak alternatif yang agak jauh dari stesen TelBru.

Memandangkan bangunan cawangan baru RTB ini kehendaknya berdekatan dengan bangunan TelBru bagi memudahkan penyambungan dan penjagaan sistem



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

fibre optic di antara dua buah bangunan berkenaan, maka dengan itu, pada khidmat RTB tapak alternatif yang dicadangkan oleh JPBD adalah kurang bersesuaian.

Pada masa ini RTB dengan bantuan JPBD sedang dalam proses mencari tapak baru yang lebih bersesuaian.

Cadangan tersebut telah disuarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad pada Perbahasan Umum MMN tahun lepas agar bangunan kekal RTB dilengkapi dengan kemudahan dan peralatan-peralatan yang mencukupi sesuai dengan perkembangan RTB ke arah era digital untuk dibangunkan di Temburong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman menjelaskan bahawa bangunan sementara RTB Temburong pada masa ini adalah tidak sesuai kerana ia berdekatan dengan kedai Pekan Bangar dan Masjid Utama Mohamad Salleh, Pekan Bangar.

Sementara itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal pula menyuarakan teguran mengenai rancangan di salah satu saluran RTB iaitu saluran antarabangsa siaran 24 jam yang dapat ditonton di luar negara didapati kebanyakan rancangannya sudah lama ditayangkan dan secara berulang-ulang dengan kualiti yang tidak memuaskan dan juga tidak menarik, tidak ada *subtitled* dalam bahasa Inggeris untuk mudah difahami oleh orang-orang yang bukan Melayu yang tidak faham bahasa Melayu.